










MEMBACA TARIKH LUPUT





Apa erti Tarikh Luput?

- Tarikh luput makanan, atau juga disebut tarikh tamat tempoh, bermaksud makanan tersebut tidak lagi selamat untuk dimakan dan boleh membahayakan kesihatan selepas tarikh yang tertera di bungkusannya, kerana risiko pertumbuhan bakteria berbahaya
- 

Contoh




Soalan :

Lihat tarikh hari ini.

Makanan yang manakah masih selamat dimakan?

Apa jadi jika
memakan
makanan yang
sudah limpas
tarikh luputnya?



Keracunan Makanan:

- Makanan yang telah tamat tarikh luput, terutamanya jika ia rosak atau berbau tidak menyenangkan, boleh mengandungi bakteria berbahaya atau toksin yang boleh menyebabkan keracunan makanan.



Toksin Berbahaya:

- Dalam kes makanan dalam tin, walaupun tidak kelihatan rosak, ia boleh rosak jika tinnya kemek atau gelembung. Ini boleh membolehkan bakteria *Clostridium botulinum* membiak dan menghasilkan toksin botulisme yang boleh menyebabkan kematian.

Apa jadi jika
memakan
makanan yang
sudah limpas
tarikh luputnya?



Tiada Jaminan Keselamatan:

- Tarikh luput adalah indikator keselamatan makanan.

Pengambilan makanan selepas tarikh ini boleh meningkatkan risiko anda terdedah kepada bakteria dan toksin berbahaya.

Kes-kes Keracunan Makanan

Bahan mentah disimpan tak cukup sejuk, masa memasak pula terlalu singkat

Kari ayam punca keracunan

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

POH – Kaedah penyimpanan ayam mentah yang tidak sempurna dan tempoh memasak yang terlalu singkat dikenal pasti menjadi punca seramai 63 pelajar dan guru di Sekolah Menengah Sains Tapah mengalami keracunan makanan pada Sabtu lalu.

Pengarah Kesihatan Perak, Datuk Dr. Juita Ghazali berkata, kedua-dua punca tersebut dikenal pasti hasil siasatan menerusi Sistem Analisis Bahaya dan Titik Pengendalian Kritikal (HACCP).

"Simpanan ayam mentah itu tidak sempurna. Ia tidak mencapai suhu sejuk beku negatif enam darjah Celsius selama 32 jam iaitu dari pukul 10.30 pagi (1 April hingga 6 petang (2 April)).

"Ini menyebabkan bakteria salmonela boleh membiak dengan cepat, banyak dan sete-



SEBAHAGIAN daripada pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah di Perak yang mengalami keracunan makanan selepas makan roti jala dan kari ayam di dewan asrama sekolah itu pada Sabtu lalu.

rusnya menyebabkan keracunan makanan berlaku," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut beliau, kari ayam yang dimasak untuk dimakan dengan roti jala juga dimasak terlalu singkat iaitu 30 minit.

Bagaimanapun, Juita berkata, setakat ini pihaknya masih menunggu keputusan rasmi mengenai kejadian tersebut daripada Makmal Kesihatan Awam di sini.

"Sekiranya hidangan tersebut hanya disahkan tercemar disebabkan bakteria, kita akan



ROTI jala yang dihidangkan bersama kuah kari ayam. – Gambar hiasan

mendidik semula pengendali makanan dewan makan asrama sekolah tersebut.

"Pihak sekolah juga perlu membaiki peti sejuk sekiranya ia tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

Jelas Juita lagi, dewan makan asrama sekolah juga tidak akan dibuka kepada pelajar sehingga siasatan selesai.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan seramai 43 pelajar dan seorang guru Sekolah Menengah Sains Tapah mengalami



KERATAN *Kosmo!* 5 April 2016.

simptom keracunan makanan selepas memakan hidangan roti jala dan kari ayam di dewan makan asrama sekolah berkenaan.

Bagaimanapun, jumlah itu meningkat kepada 63 orang dengan 28 daripada mereka menerima rawatan pesakit luar di Hospital Tapah.

Sewaktu kejadian pada hari Sabtu lalu, seramai 111 pelajar berada di asrama kerana tidak pulang ke rumah pada cuti hujung minggu.

Kes-kes Keracunan Makanan

Bakteria salmonella pada ayam

NORMAWATI ADNAN & NURUL MAZWANA HAMDAN

TAIPING - Simpanan ayam mentah yang tidak sempurna dikenal pasti menjadi punca kes keracunan makanan hingga mengakibatkan 43 pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah dan seorang guru dimasukkan ke Hospital Tapah, Ahad lalu.

Ayam berkenaan dikatakan digunakan dalam masakan kari ayam yang dimakan bersama roti jala sebagai hidangan lewat malam di dewan makan asrama sekolah terbabit.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Juita Ghazalie berkata, simpanan ayam mentah yang dibuat selama 32 jam bermula jam 10.30 pagi Jumaat hingga 6 petang, keesokannya itu tidak mencapai suhu sejuk beku (-6 darjah celsius).

Menurutnya, dalam tempoh masa itu, bakteria *salmonella spp* boleh membiak dengan cepat dan banyak hingga menyebabkan keracunan makanan berlaku.



Juita dan Subramaniam meninjau keadaan pesakit yang ditempatkan di Hospital Taiping, semalam.

"Hasil Analisa Kebahayaan dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP), keracunan di dapur sekolah itu berpunca daripada masakan kari ayam disediakan pada 2 April lalu.

"Selain simpanan ayam mentah yang tak sempurna, kita dapati tempoh masa memasak yang digunakan juga terlalu singkat iaitu 30 minit sahaja. Ini menyebabkan bakteria sedia ada

tidak dimusnahkan secara optimum," katanya, semalam.

Beliau bagaimanapun memaklumkan, Jabatan Kesihatan akan menunggu keputusan penuh makmal

terhadap ujian sampel yang diambil bagi mengenal pasti punca sebenar kes berkenaan.

"Jika kes berkenaan berpunca dari pencemaran bakteria, Jabatan Kesihatan akan beri latihan semula kepada pengendali makanan.

"Untuk masalah kemudahan peti sejuk yang tidak memenuhi spesifikasi, sekolah diarahkan untuk baik pulih, mereka tidak dibenarkan beroperasi sehinggalah segala arahan dan ketetapan dipatuhi," katanya.

Terdahulu, Dr Juita mengiringi Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam dalam lawatan kerja kementerian ke Hospital Taiping.

Berdasarkan rekod, jumlah murid yang dikesan mengalami simptom keracunan sejak Ahad lalu adalah 63 orang dengan 35 daripadanya mendapatkan rawatan di hospital.

Sehingga semalam, 10 pelajar dibenarkan pulang, sementara 25 lagi masih mendapatkan rawatan di hospital.

Kes-kes Keracunan Makanan

24 **NASIONAL** Selasa 10 April 2012 **BERITA HARIAN**

Agihan Projek Pertanian Moden Kluang dikaji semula

KLUANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengkaji semula agihan tanah di tapak Projek Pertanian Moden Kluang di sini, yang dibangunkan dengan kos RM155 juta, berikutan kegagalan hampir separuh pesertanya membangunkan kawasan pertanian itu sejak dibuka pada 2005.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar, berkata langkah itu dibuat berikutan hanya 50 peratus kawasan tapak projek pertanian berskala besar yang berkeluasan 3,642.1 hektar itu berjaya dibangunkan, manakala selebihnya mengalami pelbagai masalah.

"Bagi menyelamatkan projek pertanian ini, Kementerian akan mengkaji semula agihan tanah di sini termasuk mengagihkan semula tanah peserta yang gagal dibangunkan supaya penyusunan semula dapat dilakukan dan projek ini dapat dioptimumkan semula bagi menjamin bekalan makanan negara sentiasa terjamin.

"Kita juga akan menilai semula keupayaan peserta projek ini kerana hampir separuh daripada 29 peserta yang mendapat agihan tanah di sini gagal mencapai tahap pencapaian yang disasarkan sekali gus telah menghentikan bekalan

Mati makan nasi lemak pasar malam

www.teknologimakanan.com

Anak sulung meninggal selepas 3 hari keracunan

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bharian.com.my

BATU PAHAT: Tindakan seorang bapa membelikan makanan kegemaran anak sulungnya di sebuah pasar malam dekat Tangkak di sini, mengundang tragedi apabila anak sulungnya itu mati akibat keracunan makanan selepas tiga hari menikmati makanan berkenaan.

Pensyarah di Kolej MARA Tangkak, Zainal Abidin Ali, 35, tidak menyangka nasi lemak yang dibelinya sebagai hidangan makan malam untuk keluarganya meragut nyawa anak sulungnya, Fakhira Batrisya, 7, selain dirinya serta isteri, Farhana Mokhtar, 32, terpaksa dimasukkan wad sejak lapan hari lalu akibat keracunan makanan kritikal.

Pasangan itu yang kini masih menjalani rawatan di sebuah hospital swasta di sini, trauma mengenangkan kematian anak sulung mereka.

Zainal berkata, beliau sekeluarga singgah di pasar malam dekat Taman Tangkak Jaya pada 31 Mac lalu ketika dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Taman Wawasan Tangkak, selepas selesai



Fakhira Batrisya

"Oleh kerana anak sulung saya menggemari nasi lemak, saya membeli empat bungkus nasi lemak selain murtabak dan soto sebagai hidangan makan malam kami. Namun, hanya saya, isteri dan anak sulung yang memakan nasi lemak.

"Dua lagi anak kami berusia dua dan lima tahun hanya menjamah murtabak, manakala soto yang dibeli terpaksa dibuang kerana sudah basi," katanya.

Farhana berkata, Fakhira mula mengadu sakit perut sebelum turut mengalami simptom sama.

"Kami mahu membawa Fakhira ke klinik keesokan harinya, namun membatalkan hasrat itu selepas arwah keletihan. Pada masa sama, saya dan suami juga keletihan akibat turut muntah dan cirit-birit.

"Namun pada pagi 2 April lalu, arwah dan suami saya semakin lesu, lalu saya memutuskan untuk membawa Fakhira ke Hospital Tangkak, namun segalanya sudah terlambat, apabila anak saya disahkan meninggal tanpa sempat dibawa ke hospital," katanya.

Ketua Polis Daerah Ledang, Superintendan Haron Idris, berkata siasatan awal mendapati 25 individu mengalami keracunan makanan akibat memakan nasi lemak dan murtabak dibeli di pasar malam berkenaan.

Katanya, kematian mangsa ketika ini diklasifikasikan sebagai kematian mengejut tetapi siasatan lanjut sedang dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Dr Robia Kosai, berkata siasatan Jabatan Kesihatan Johor mendapati peniaga menjual nasi lemak itu berasal

Konvoi Viva Palestine 6 tengah bulan

KUALA LUMPUR: Lampu solar, laptop, peralatan makmal dan persekolahan serta peralatan sukan adalah antara barangan yang akan dibawa konvoi Viva Palestina 6 "The Right of Return Convoy" ke Gaza, Palestin, bermula pertengahan bulan ini.

Semua barangan ini dibawa sukarelawan Malaysia menggunakan dua bas mini dan lima van yang menyertai konvoi Viva Palestina dari London ke Gaza.

Seramai 18 sukarelawan Viva Palestina Malaysia (VPM) dan Aqsa Syarif, tidak termasuk wakil media yang masih belum mengesahkan penyertaan, akan berlepas ke London pada 18 April, sebelum meneruskan konvoi dari London menerusi Eropah, Asia Barat ke Mesir dan dijangka memasuki wilayah Gaza pada 15 Mei.

Pengerusi VPM, Datuk Dr Musa Mohd Nordin, berkata bantuan kemanusiaan yang akan disalurkan ke 11 sekolah di Jabaliya, utara Gaza, adalah sumbangan rakyat Malaysia berjumlah RM1.7 juta hasil kutipan derma daripada murid sekolah, guru, pengetua hingga ke peringkat pegawai kementerian di seluruh negara.

"Konvoi kali ini akan membawa kelengkapan persekolahan dan makmal untuk membantu membaiki pulih kelengkapan di 11 sekolah di Jabaliya yang terjejas teruk.

AKTIVITI

- Teliti tarikh luput pada setiap gambar.



AKTIVITI

- Teliti tarikh luput pada setiap gambar



AKTIVITI

- Teliti tarikh luput pada setiap gambar



AKTIVITI


- Teliti tarikh luput pada setiap gambar



AKTIVITI

- Teliti tarikh luput pada setiap gambar





PERIKSA DULU TARIKH
LUPUT SEBELUM
MAKAN/MINUM

